

METHACID CAPSULE

Indomethacin (25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Methacid Capsule
2. Bagaimana Methacid Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Methacid Capsule
4. Cara menggunakan Methacid Capsule
5. Semasa menggunakan Methacid Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Methacid Capsule
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan Methacid Capsule

Ia digunakan untuk berkesan dalam peringkat aktif seperti yang berikut:-

- Arthritis reumatoid (Penyakit keradangan yang mempengaruhi sendi) jenis yang sederhana sehingga teruk termasuk fasa akut penyakit kronik.
- Spondilitis mengankilosis (Penyakit inflamasi kronik pada spina) jenis yang sederhana sehingga teruk.
- Osteoarthritis (Penyakit degenerative sendi) jenis yang sederhana sehingga teruk.
- *Acute painful shoulder*, bursitis (Radang bursa) dan tendinitis (radang pada tendon).
- Arthritis gout akut

Indomethacin mungkin boleh mengurangkan dos steroid jika anda menerima steroid untuk bentuk arthritis rheumatoid yang lebih teruk.

Bagaimana Methacid Capsule Berfungsi

Methacid Capsule mengandungi bahan yang dipanggil Indomethacin. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai ejen anti-radang bukan steroid (NSAID) yang mengurangkan demam, kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan Methacid Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Methacid capsule:-

- Jika anda mempunyai alahan atau hipersensitiviti kepada Indomethacin, Aspirin, NSAID lain atau mana-mana bahan-bahan kandungan yang lain disenaraikan di akhir risalah ini.
- Jika anda mempunyai polip hidung (pertumbuhan dalam hidung), *angioedema* (bengkak di sekeliling mata dan bibir atau kadang kala pada kemaluan, tangan, dan kaki), *bronchospastic* (penyempitan saluran udara) dan gejala menjadi lebih teruk disebabkan oleh Aspirin atau NSAID.

- Sebelum menggunakan Methacid Capsule

Anda perlu menyemak dengan doktor anda:-

- Jika anda mempunyai masalah jantung atau strok
- Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi
- Indomethacin boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, contohnya toxic epidermal necrolysis, Steven-Johnson Syndrome. Simptom ini termasuk ruam kulit, lepuh dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.
- Jika anda mempunyai atau telah mempunyai ulser, pendarahan dan penembusan perut atau usus
- Jika anda mengalami dispepsia (rasa tidak selesa di sekitar epigastric kerana masalah pencernaan).
- Jika anda mempunyai masalah penglihatan
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang
- Jika anda mengalami kemurungan atau gangguan psikiatri yang lain, epilepsi, dan Parkinson
- Sila rujuk doktor anda sebelum permulaan untuk menggunakan Methacid capsule jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan menimbang risiko dan manfaat pengambilan Methacid capsule.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat apabila diambil dengan Methacid capsule boleh bereaksi dengan ubat lain. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubatan seperti berikut;

- Diflunisal, ubat untuk mengurangkan Keradangan.
- Probenecid, sebagai terapi tambahan dalam antibiotik atau untuk gout.
- Frusemide and thiazides, pil air.
- Triamterene, pil air.
- Lithium, ubat untuk kemurungan.
- Beta-Blocker, untuk tekanan darah tinggi.

Cara menggunakan Methacid Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan yang biasa ialah 25 mg 2-4 kali sehari, meningkat jika diperlukan untuk 150 hingga 200 mg setiap hari. Dalam gout akut, 50mg boleh diberikan 3 atau 4 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ia perlu diambil bersama makanan, selepas makan, atau dengan antasid untuk mengurangkan kerengsaan perut.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gantikan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mengambil terlalu banyak ubat ini, walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan, anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Pengambilan terlalu banyak tablet boleh menyebabkan loya (dengan atau tanpa muntah), ketidakselesaan perut atau sakit, sakit kepala, pening, lemah otot, kekeliruan mental, berpeluh dan masalah pernafasan akut.

Semasa menggunakan Methacid Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Methacid Capsule mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Methacid capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan kongsi ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Methacid Tablet terhadap anda. Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Methacid capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya. Pengambilan Indomethacin terutamanya melibatkan gangguan pada saluran gastrousus (GI), sakit kepala dan pening. Ulser dan pendarahan gastrousus boleh juga berlaku.

Simptom lain termasuk seperti kemurungan, lesu, ketidakupayaan untuk tidur, gangguan psikiatri, pening, koma, gangguan pada peripheral neuropathy (kerosakan pada sistem saraf periferal) dan penglihatan kabur boleh berlaku. Penurunan sel darah putih, kekurangan platelet dalam darah, pendarahan dari hidung, lebih glukosa dalam aliran darah serta pendarahan faraj telah dilaporkan.

Berjumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Methacid Capsule

- Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Oval, biru / putih, saiz 4 kapsul.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Indomethacin

- Bahan tidak aktif
 - Maize Starch
 - Lactose
 - Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL19861091AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical PTE.LTD
No.11, Wan Lee Road, Jurong 2262,
Singapore.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Date of revision

18/12/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)031215/00481